



PRESS RELEASE

S.A. 2021/11/139 (HQ)

TNB KEKAL BERDAYA TAHAN DALAM PEMULIHAN EKONOMI NEGARA

- Ada ruang pertumbuhan untuk pulangan yang dijangkakan
- Perkembangan terkini Hala Tuju Kelestarian TNB

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus menunjukkan prestasi berdaya tahan dalam suasana negara sedang pulih daripada kesan buruk pandemik Covid-19, dengan mencatatkan kenaikan hasil dan keuntungan bersih seiring dengan peningkatan aktiviti ekonomi dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun kewangan 2021 (TK2021).

Hasil Kumpulan meningkat 9.6% tahun ke tahun kepada RM36.9 bilion daripada RM33.7 bilion sejajar dengan prestasi keseluruhan ekonomi Malaysia yang meningkat 3% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2021. Perkembangan dalam tempoh itu, menyumbang sedikit kenaikan dalam penjualan elektrik iaitu 1.1% kepada 87,950 GWj dan RM2.9 bilion dalam keuntungan bersih. Peningkatan dalam aktiviti ekonomi juga telah memberi sokongan kepada prestasi positif anak-anak syarikat TNB.

Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) dilaporkan pada RM14.4 bilion (naik 4.6%). Secara keseluruhan, margin EBITDA kekal pada 39.0%, diimbangi perbelanjaan lebih tinggi yang bertambah 8.7% daripada peningkatan aktiviti perniagaan.

Daya Tahan Sembilan Bulan

“Kami merekodkan satu lagi tempoh prestasi berdaya tahan terutamanya berikutan peningkatan kegiatan ekonomi. Bagaimanapun kami menyaksikan penguncupan sebanyak 6.7% jualan elektrik suku ketiga berbanding suku sebelumnya, kesan daripada peralihan dinamik yang disebabkan oleh pandemik berterusan dan kami terus bersiap sedia untuk menghadapi sebarang ketidaktentuan pada masa depan,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din.

Membandingkan prestasi Kumpulan sebelum COVID-19, beliau berkata, “Kami mempunyai potensi untuk pertumbuhan. Sebagai penjaga infrastruktur kritikal tenaga negara, mengekalkan pulangan yang munasabah adalah penting bagi TNB untuk mengimbangi penciptaan nilai kepada para pemegang saham dan melabur semula ke dalam sistem bagi menjamin bekalan tenaga berdaya harap dan stabil.

Baharin mendedahkan bahawa perbelanjaan operasi (OPEX) Kumpulan telah terjejas disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). “Namun, kami memastikan semua

penyelenggaraan yang dirancang untuk tahun ini, dapat dijalankan menjelang akhir tahun demi mengekalkan kualiti perkhidmatan berkelas dunia kepada pelanggan.”

Dalam aspek yang lebih positif, beliau berkata, peningkatan permintaan dijangka bertambah baik pada bulan-bulan akan datang dan pada tahun depan apabila lebih banyak sektor dan kegiatan ekonomi dibuka untuk perniagaan. “TNB juga terus bekerjasama dengan kerajaan dalam pelbagai bidang untuk menyokong pemuliharan ekonomi negara. Ini termasuk inisiatif yang membawa kesan berganda melalui program pemberian biasiswa, pembangunan vendor serta latihan semula tenaga kerja bagi menempatkan mereka dalam pekerjaan.”

Kemajuan Sasaran Tenaga Boleh Baharu (RE)

TNB telah mencatatkan tanda baru pencapaian dalam perjalanannya ke arah mencapai sasaran 8,300MW RE menjelang 2025, dengan pengumuman pembinaan loji janakuasa hidroelektrik Nenggiri, di Gua Musang (Kelantan) yang bernilai RM5 bilion dan berkapasiti 300MW, serta pemerolehan 49% kepentingan dalam ladang angin luar pesisir di Blyth, UK.

Sasaran RE itu adalah sebahagian daripada Hala Tuju Kelestarian TNB yang diumumkan pada bulan Ogos, yang merupakan rangka tindakan aspirasi Kumpulan untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hala tuju itu berteraskan komitmen TNB untuk mengurangkan intensiti pelepasan sebanyak 35% serta pengurangan 50% kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

“Kami percaya hala tuju kelestarian ini akan membuka peluang pertumbuhan baharu, bertunangkan aspirasi strategik TNB untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa. Kami sedang mengambil inisiatif dan menggerakkan segala sumber ke arah matlamat ini, sekali gus mencapai sasaran Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) TNB dalam hala tuju tersebut.

“Menjelang 2035, portfolio penjanaan yang dirancang oleh TNB merangkumi 66% RE, 24% *thermal* bukan arang batu dan 10% arang batu berbanding 14% RE, 41% *thermal* bukan arang batu dan 45% arang batu pada 2021. Kami sedang meneroka dan melabur dalam teknologi hijau yang berpotensi untuk mempercepatkan perjalanan kami ke arah sifar bersih selepas 2035,” tegas Baharin.

Bahagian Tenaga Baharu Untuk Mempercepatkan Pertumbuhan RE

Beliau menambah bahawa TNB baru-baru ini telah membentuk Bahagian Tenaga Baharu (NED) untuk mengukuhkan komitmen perniagaan antarabangsa Kumpulan, melalui pengembangan portfolio RE dalam pasaran sasaran dan mewujudkan perkongsian strategik dengan peneraju RE terkemuka dalam usaha memanfaatkan kepakaran teknikal mereka.

“Pada dasarnya, NED menyelaras cabang-cabang pengembangan RE, memberi tumpuan dengan lebih jitu dalam pembangunan portfolio RE dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Ini termasuk melihat peluang untuk melupuskan aset dalam pasaran tidak fokus supaya hasilnya boleh digunakan semula untuk aset yang mempunyai potensi penciptaan nilai yang lebih baik,” katanya.

NED menyelia dua entiti utama: Vantage RE yang beroperasi di UK memberi tumpuan kepada pasaran UK dan Eropah, manakala TNB Renewable yang berpangkalan di Malaysia menumpukan kepada pasaran domestik dan Asia Tenggara.

Prospek

Untuk sembilan bulan pertama TK 2021, prestasi Kumpulan bertambah baik berbanding tempoh sama tahun kewangan yang lalu, walaupun menghadapi cabaran berterusan susulan pandemik Covid-19. Permintaan mula menunjukkan peningkatan, berkembang pada 0.6% berbanding penguncutan 6.2% dalam tempoh sama tahun kewangan yang lalu. Ini sejajar dengan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebanyak 3% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2021.

Bagi keseluruhan tahun 2021, negara berada di landasan untuk mencapai pertumbuhan KDNK antara 3% dan 4%. Pertumbuhan ini akan disokong oleh peningkatan dalam aktiviti ekonomi berikutan kelonggaran langkah-langkah pembendungan secara berperingkat sambil menyokong dasar yang berterusan. Pelbagai kelonggaran sekatan untuk individu yang sudah menerima vaksin lengkap, termasuk untuk perjalanan rentas negeri akan turut merangsang aktiviti berkaitan pelancongan. Di samping itu, permintaan global yang kukuh akan terus menyokong pertumbuhan eksport.*

Oleh itu, Kumpulan percaya bahawa peningkatan dalam ekonomi keseluruhan akan mendorong permintaan elektrik yang lebih tinggi dan menyokong momentum positif di seluruh operasi Kumpulan.

Di tengah-tengah perkembangan yang menggalakkan ini, Kumpulan meramalkan prestasi yang stabil untuk baki suku tahun kewangan. Begitupun, Kumpulan akan terus mengambil langkah berhemat dalam operasi dan kewangannya untuk memastikan ia kekal berdaya tahan.

*Laporan Suku Ketiga Bank Negara

Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	9 Bulan Berakhir 30 September 2021	9 Bulan Berakhir 30 September 2021
Jumlah Pendapatan	36,894.4	33,651.7
Perbelanjaan Operasi	(30,025.9)	(28,238.4)
Pendapatan Operasi Lain	548.4	832.2
 Lebihan Operasi (EBIT)	<u>6,510.0</u>	<u>5,903.8</u>
 Kos Kewangan	(2,831.6)	(2,733.5)
Keuntungan / (Kerugian) Tukaran Wang Asing	(162.4)	(174.3)
 Keuntungan bersih (sebelum keuntungan/ (kerugian))Tukaran Wang Asing	2,946.4	2,555.1
 Keuntungan Bersih yang diagihkan kepada pemilik Syarikat	2,784.0	2,380.8
 Keuntungan Tempoh Berkenaan	2,872.2	2,414.6
 Pendapatan Sesaham	48.72 sen	41.81 sen

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain menjadi syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 September 2021, TNB membekalkan elektrik kepada 10.3 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepada, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam mengerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 November 2021

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary 019-3369681 /

Grace Tan 016-6626229 / Fazreen Eksan Kulup Wahab 019-3160401

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din